

B519  
DADAH-MAHATHIR  
(1)

1981

102

KUALA LUMPUR, 9 NOV. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA MASYARAKAT ANTARABANGSA MENGAMBIL LANGKAH--LANGKAH BERANI BAGI MEMBENTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH YANG MENGANCAM KETAHANAN JENERASI AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PERHATIAN, PERSEFAHAMAN DAN KONSEP MENGENAI PENYALAHGUNAAN DADAH SEMATA-MATA TIDAK BERERTI DAN KOSONG SAHAJA KECUALI TINDAKAN BERANI DIAMBIL BAGI MENJAMIN HASILNYA.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA YANG KETIGA BADAN-BADAN KUKAN KERAJAAN MENGENAI PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENGGUNAAN DADAH SELAMA EMPAT HARI DI SINI, BELIAU BERKATA ADALAH MENGECEWAKAN BAGI SEMUA PIHAK SEKIRANYA SEMUA KETETAPAN DAN PERAKUAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA, TERMASUK PERSIDANGAN TERSEBUT, TIDAK MENAMPAKKAN FASA PERLAKSANAANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DI PIHAK MALAYSIA, MASALAH DADAH MASIH LAGI MENJADI MUSUH UTAMANYA DAN KERAJAAN TELAH MENGISYTIHARKANNYA SEBAGAI MASALAH KESELAMATAN. --BERSAMBUNG  
1227/MD

#### DADAH-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KERAJAAN, TAMBAHNYA, TELAH MEMBELANJAKAN LEBIH \$100 JUTA UNTUK PELBAGAI RANCANGAN PENCEGAHAN DADAH.

+APA YANG PENTING IALAH BUKAN JUMLAHNYA TETAPI HASILNYA,+  
TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MEMANJANGKAN BANTUAN KEPADA PEMADAM DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN SUPAYA NEGARA DAPAT MENGHADAPI MASALAH DADAH DARI SEMUA PENJUJUR.

BELIAU MENYERU SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT SUPAYA MELIBATKAN DIRI DALAM PERJUANGAN MENENTANG DADAH.

KATANYA: +KAMI DALAM KERAJAAN BUKAN SAHAJA AKAN MEMBANTU BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN TETAPI JUGA MENGHARAPKAN USAHA MEREKA DALAM MENOKOK-TAMBAH USAHA-USAHA KERAJAAN SECARA BERKESAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU TERHARU DENGAN SIKAP ENDAH TAK ENDAH DAN KETIADAAN SEMANGAT BERTINDAK CEPAT DI KALANGAN BERBAGAI-BAGAI PROFESION DAN JURUSAN YANG HANYA MEMPERTIKAIKAN TENTANG MASALAH ITU TETAPI TIDAK PULA BERBUAT APA-APA. --BERSAMBUNG 1235/MD